Menaiktaraf jalan perhubungan Jalan Rembau–Linggi–Port Dickson: Laluan penting bagi logistik ke pelabuhan

HIP 4: Regional Halal Distribution Centre (RHDC)



PEMBANGUNAN EKONOMI

Isu Strategik

Sebuah *Regional Halal Distribution Centre* (RHDC) dicadangkan di Bandar Enstek bagi memperkukuhkan rantai bekalan makanan halal di Negeri Sembilan di samping meningkatkan daya saing industri serta memperluas pasaran antabangsa dan mengekalkan integriti pensijilan halal.

Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Pembinaan RHDC akan menjadi tumpuan pengusaha-pengusaha produk halal yang terlibat dalam proses pemasaran produk-produk halal di seluruh dunia.
- 2 Mempromosikan Industri Halal di dalam kawasan MVV 2.0 yang akan menjadi tarikan pelabur dari seluruh dunia yang terlibat dengan produk-produk yang memerlukan pensijilan halal.

Fasa Pelaksanaan

2025/2026


2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040

SELEPAS
2040

Lokasi Cadangan



- Memperkukuh identiti Bandar Enstek sebagai kluster industri logistik moden
- Menyokong pembangunan koridor Malaysia Vision Valley (MVV 2.0)

Komponen Projek

Teknologi Automasi

- *Automated Storage & Retrieval System* (ASRS)
- Sistem penghantar (*conveyor*) dan pengendalian palet berrobotik
- Sistem penyimpanan sejuk berketumpatan tinggi

Kecerdasan Buatan

- Ramalan permintaan (*demand forecasting*)
- Pengoptimuman inventori
- Pengurusan suhu & tenaga secara pintar

Sistem Pengurusan Pintar

- *IoT temperature monitoring*
- *Warehouse Management System* (WMS) bersepadu
- *Tracking & traceability halal compliance*

HIP 5: Pembangunan Zon Pelaburan Khas Pelancongan



PEMBANGUNAN EKONOMI

Isu Strategik

Keperluan dalam membentuk dan mempromosikan pelancongan di Negeri Sembilan bagi mengukuh kluster pelancongan sedia ada dan digalakkan selari dengan pelan pembangunan sedia ada.

Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Penubuhan STIZ bertujuan untuk meningkatkan pembangunan dalam sektor pelancongan di Malaysia dengan menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta dan perkongsian awam-swasta.
- 2 STIZ digunakan untuk merangsang dan membangunkan kawasan pelancongan baharu dan menjadi alternatif di Negeri Sembilan.
- 3 Beberapa insentif dan kemudahan dalam merangsang pelaburan swasta untuk melabur di kawasan STIZ.
- 4 Promosi dan hubungan antara kawasan STIZ baharu dengan kawasan Negeri Sembilan juga akan meningkatkan tempoh menginap pelancong kerana akan mempunyai lebih banyak aktiviti untuk dilakukan sepanjang tempoh lawatan.

Menjadikan kawasan STIZ secara bersepadu (integrasi kawasan penginapan, hab pelancongan maritim dan sukan air, dan komersil).

Fasa Pelaksanaan

2025/2026


2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040


SELEPAS
2040

Lokasi Cadangan



Komponen Projek

Geran padanan untuk produk pelancongan inovatif di kawasan STIZs



KRITERIA UTAMA:

- **Produk pelancongan mestilah bersifat inovatif**, sama ada bagi pembangunan produk baharu atau penambahbaikan produk sedia ada.
- **Pelaburan perlu menyokong pembangunan atau naik taraf produk pelancongan** supaya lebih menarik, berdaya saing dan relevan dengan pasaran semasa.
- **Pembangunan produk pelancongan perlu mempercepatkan pengelompokan kluster secara strategik**, bagi mewujudkan peluang ekonomi dan meningkatkan pendapatan komuniti luar bandar.

HIP 6: Pembangunan NS AgriTech Hub



PEMBANGUNAN EKONOMI

Isu Strategik

Keperluan meningkatkan integrasi rantaian bekalan makanan antara kawasan dalam Zon Promosi Pertanian (ZPPE) dan luar Zon Promosi Pertanian (ZPPE) bagi memastikan pengeluaran, pengumpulan, pemprosesan, dan pengedaran berjalan lancar dan efisien. Selain itu, lebih pengeluaran komoditi makanan dapat dimanfaatkan menerusi pemasaran produk seperti telur ayam, daging ayam, dan buah-buahan melalui aksesibiliti dan kemudahan pengangkutan yang baik.

Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Mewujudkan pusat pembangunan pertanian bersepadu yang menekankan pendekatan rantaian bekalan makanan secara menyeluruh dan berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi pertanian.
- 2 Pemilihan Chembong, Rembau sebagai pusat utama pertanian berdasarkan kedudukan strategik dengan aksesibiliti lebuh raya dan kereta api, disokong oleh pusat Agropolitan di Kuala Pilah, Sri Jempol, Gemas, dan Rembau.
- 3 Menjadikan NS AgriTech Hub sebagai hub pengeluaran dan pengedaran ke Lembah Klang untuk komoditi makanan seperti telur ayam, daging ayam, susu, dan buah-buahan.

Fasa Pelaksanaan

2025/2026


2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040

SELEPAS
2040

Lokasi Cadangan



Komponen Projek

Perincian bagi komponen NS AgriTech Hub adalah seperti berikut:

1. Kilang Tanaman Berteknologi Tinggi
2. Hab Pengumpulan dan Pemprosesan Bersepadu
3. Hab Pemasaran Bersepadu
4. Hab Pameran Bersepadu (Taman Ekspo Pertanian)
5. Pusat Inovasi, Teknologi, Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian

HIP 7: Lebuhraya West Coast Expressway (WCE)



PEMBANGUNAN PERHUBUNGAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

Isu Strategik

Cadangan pembinaan Lebuhraya West Coast Expressway (WCE) merupakan satu projek strategik bagi menguraikan aliran trafik di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS), memandangkan lebuhraya tersebut merupakan laluan utama yang menghubungkan kawasan Pantai Barat.

Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Jajaran jalan ini dicadangkan akan melalui kawasan sebelah barat Negeri Sembilan di sepanjang 47KM.
- 2 Cadangan projek ini dijangka mampu meningkatkan tahap aksesibiliti disekitar kawasan Port Dickson disamping menjadi laluan alternatif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS).
- 3 Terdapat tiga jalan utama di dalam kawasan kajian yang boleh dihubungkan ke Lebuhraya West Coast Expressway (WCE) iaitu:
 1. Interchange 4 (Jalan Chuah, N189)
 2. Interchange 5 (Lebuhraya SPDH, E29)
 3. Interchange 6 (Jalan Sungai Menyala, N8)
 4. Interchange 7 (Jalan Pintasan Teluk Kemang)
 5. Interchange 8 (Jalan Pasir Panjang – Linggi, FT005)

Fasa Pelaksanaan

2025/2026


2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040

SELEPAS
2040

Lokasi Cadangan



Komponen Projek

Perincian bagi pembinaan Lebuhraya West Coast Expressway (WCE) seperti berikut:

Projek	Perincian
Jalan Baru	4 lorong 2 hala (30 KM)
	Interchange 4 (Trumpet)
	Interchange 5 (Cloverleaf)
Persimpangan Bertingkat	Interchange 6 (Trumpet)
	Interchange 7 (Trumpet)
	Interchange 8 (Trumpet)

HIP 8: Lebuhraya Senawang – KLIA (SKLIA)



PEMBANGUNAN PERHUBUNGAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

Isu Strategik

Cadangan pembinaan Lebuhraya Senawang – KLIA (SKLIA) merupakan satu projek strategik bagi mengurangkan kesesakan lalulintas di laluan sedia ada daripada Lebuhraya Utara – Selatan Hubungan Tengah (ELITE) dan Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS) untuk menyokong akses alternatif ke Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA).

Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Jajaran jalan ini dicadangkan akan melalui kawasan Sendayan, Negeri Sembilan disepanjang 60KM.
- 2 Cadangan projek ini akan menjadi laluan alternatif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dan Lebuhraya Utara – Selatan Hubungan Tengah (ELITE).

FIZIKAL

Laluan alternatif bagi mengurangkan kesesakan di PLUS dan FT51/FT32.

EKONOMI

Memudahkan pelancong untuk mengakses ke kawasan Seremban dan Senawang.

SOSIAL

Masa perjalanan antara Senawang ke KLIA akan menjadi lebih singkat.

Fasa Pelaksanaan

2025/2026

2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040

SELEPAS
2040

Lokasi Cadangan



7 Lebuhraya Senawang – KLIA (SKLIA)

Komponen Projek


Projek

Jalan Baru

Perincian

4 lorong 2 hala (60 KM)

Cadangan Keratan Rentas bagi Lebuhraya Senawang – KLIA (SKLIA)



HIP 9: Lebuhraya Pedas – Seremban – Simpang Pelangai – Temerloh (PETEX)



PEMBANGUNAN PERHUBUNGAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

Isu Strategik


Cadangan pembinaan Lebuhraya Pedas – Seremban – Simpang Pelangai – Temerloh (PETEX) merupakan satu projek strategik bagi mengurangkan kesesakan lalulintas di Pekan Kuala Pilah disepanjang laluan FT001.

Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Jajaran jalan ini dicadangkan akan melalui kawasan Kuala Pilah, Negeri Sembilan disepanjang 61 KM.
- 2 Cadangan projek ini dijangka berupaya menghubungkan kawasan Lembah Klang dan Seremban dengan jajaran Lebuhraya Central Spine Road (CSR), sekali gus meningkatkan tahap kebolehcapaian dan memperkukuh rangkaian perhubungan antara wilayah.
- 3 Terdapat tiga jalan utama di dalam kawasan kajian yang boleh dihubungkan ke Lebuhraya Pedas – Paroi – Kuala Pilah – Temerloh iaitu:
 - i. Interchange Jempol
 - ii. Interchange Bahau
 - iii. Interchange Kuala Pilah
 - iv. Interchange Bukit Putus
 - v. Interchange Pedas

- i. Interchange Jempol
- ii. Interchange Bahau
- iii. Interchange Kuala Pilah
- iv. Interchange Bukit Putus
- v. Interchange Pedas

Lokasi Cadangan



- 8 Lebuhraya Pedas – Seremban – Simpang Pelangai – Temerloh (PETEX)
- i Lokasi cadangan persimpangan

Fasa Pelaksanaan

2025/2026

2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040


SELEPAS
2040

Komponen Projek

Perincian bagi pembinaan Lebuhraya Pedas – Seremban – Simpang Pelangai – Temerloh (PETEX) seperti berikut:

Projek	Perincian
Jalan Baru	4 lorong 2 hala (61 KM) Jempol (Trumpet) Bahau (Trumpet)
Persimpangan Bertingkat	Kuala Pilah (Trumpet) Bukit Putus (Trumpet) Pedas (Trumpet)

Cadangan Keratan Rentas bagi Lebuhraya Pedas – Seremban – Simpang Pelangai – Temerloh (PETEX)



HIP 10: Lebuhraya Simpang Pelangai - Putrajaya



PEMBANGUNAN PERHUBUNGAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

Isu Strategik

Cadangan pembinaan Jalan Simpang Pelangai – Putrajaya merupakan satu projek utama untuk mengurangkan kesesakan aliran trafik dari Bentong ke Putrajaya bagi meningkatkan kelancaran pergerakan kenderaan.


Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Jajaran jalan ini dicadangkan akan melalui kawasan Jelevu, Negeri Sembilan disepanjang 51.2KM.
- 2 Cadangan projek ini dijangka berupaya menyediakann satu laluan alternatif yang strategik dari Bentong melalui Jalan Karak – Tampin, sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kepada laluan sedia ada.
- 3 Terdapat satu jalan utama di dalam kawasan kajian yang boleh dihubungkan ke Jalan Simpang Pelangai – Putrajaya iaitu:
 - i. Interchange Simpang Pelangai

Fasa Pelaksanaan

2025/2026 2026 – 2030 2031 – 2035 2036 – 2040 SELEPAS 2040

Lokasi Cadangan



9 Lebuhraya Simpang Pelangai - Putrajaya


i Lokasi cadangan persimpangan

Komponen Projek

Perincian bagi pembinaan Lebuhraya Simpang Pelangai – Putrajaya seperti berikut:

Projek	Perincian
Jalan Baru	4 lorong 2 hala (51.2 KM)
Persimpangan Bertingkat	Simpang Pelangai (Diamond)

Cadangan Keratan Rentas bagi Jalan Simpang Pelangai - Putrajaya



HIP 11: Lebuhraya Southern Central Spine Road (SCR)



PEMBANGUNAN PERHUBUNGAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI


Isu Strategik

Cadangan Lebuhraya *Central Spine Road* (CSR) ini merupakan projek utama yang mampu meningkatkan tahap aksesibiliti ke koridor tengah Semenanjung Malaysia dari Pantai Timur (Kuala Krai, Kelantan) – Lembah Klang (Bentong, Pahang) – Selatan (Ulu Tiram, Johor).

Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Jajaran jalan ini dicadangkan akan melalui kawasan sebelah timur Negeri Sembilan disepanjang 76KM.
- 2 Cadangan projek ini dijangka mampu meningkatkan tahap aksesibiliti disekitar kawasan Jelevu, Jempol dan Tampin disamping menjadi laluan alternatif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap Lebuhraya Pantai Timur (LPT) dan Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS).
- 3 Terdapat dua jalan utama di dalam kawasan kajian yang boleh dihubungkan ke Lebuhraya *Central Spine Road* (CSR) iaitu:
 - i. Cadangan *Interchange* Simpang Pelangai (Jalan Karak-Kuala Pilah, FT009)
 - ii. Cadangan *Interchange* Jempol (Jalan Bahau-Keratong, FT011)

Lokasi Cadangan



- 10 Lebuhraya *Central Spine Road*
- i Lokasi cadangan persimpangan

Fasa Pelaksanaan

2025/2026

2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040


SELEPAS
2040

Komponen Projek

Perincian bagi cadangan pembinaan lebuhraya *Central Spine Road* (CSR) seperti berikut:

Projek	Perincian
Jalan Baru	4 lorong 2 hala (76 KM)
Persimpangan Bertingkat	Simpang Pelangai (<i>Trumpet</i>)
	Jempol (<i>Trumpet</i>)

Cadangan Keratan Rentas bagi Lebuhraya *Central Spine Road* (CSR)



HIP 12: Laluan ERL (KLIA – Seremban (Labu) – Port Dickson)



PEMBANGUNAN PERHUBUNGAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

Isu Strategik

Keperluan untuk memendekkan masa perjalanan dari KLIA ke kawasan pelancongan utama di Port Dickson serta ke kawasan hab pengangkutan di Labu.

Justifikasi Cadangan Projek


- 1 Laluan ini berupaya menghubungkan tiga kawasan strategik, iaitu KLIA sebagai pintu masuk antarabangsa, Labu sebagai kawasan pertumbuhan teknologi, serta Port Dickson sebagai pusat ekonomi dan pelancongan.
- 2 Port Dickson merupakan destinasi pelancongan yang paling hampir dengan KLIA, justeru kedudukan strategik ini menyediakan akses yang lebih pantas dan efisien kepada pelancong antarabangsa dari KLIA ke kawasan pelancongan yang lebih eksklusif, sekali gus meningkatkan daya tarikan destinasi serta menyokong pertumbuhan sektor pelancongan negara.

Komponen Projek

Perincian bagi pembinaan laluan ERL (KLIA – Seremban (Labu) – Port Dickson) seperti berikut:

Projek	Perincian
HSR	50.9km
Stesen	Labu (<i>Integrated Transport Termina, ITT</i>) Port Dickson (<i>At-grade</i>)

Lokasi Cadangan



Petunjuk

- Express Rail Link (ERL)
- ITT, Labu

Fasa Pelaksanaan

2025/2026

2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040

SELEPAS
2040

HIP 13: High Speed Rail (HSR)



PEMBANGUNAN PERHUBUNGAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

Isu Strategik

Keperluan dan permintaan perjalanan antara Malaysia dan Singapura adalah sangat tinggi, sekali gus memerlukan penyediaan mod pengangkutan berkapasiti lebih besar.

Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Pelaksanaan Projek HSR dijangka merangsang pembangunan berorientasikan transit (TOD) serta membuka peluang kepada pembentukan kawasan ekonomi baharu yang berupaya memperkukuh pertumbuhan wilayah.
- 2 Laluan Sepang–Putrajaya ke Seremban sepanjang 40 km dan Seremban ke Ayer Keroh 80 km, dengan masa perjalanan Kuala Lumpur–Singapura dipendekkan kepada 90 minit.
- 3 Projek ini dicadangkan dengan 8 stesen:
 - i. Bandar Malaysia
 - ii. Sepang – Putrajaya
 - iii. Seremban
 - iv. Ayer Keroh
 - v. Muar
 - vi. Batu Pahat
 - vii. Iskandar Puteri
 - viii. Jurong East (Singapura)

Fasa Pelaksanaan

2025/2026


2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040

SELEPAS
2040

Lokasi Cadangan



Komponen Projek

Perincian bagi pembinaan laluan ERL (KLIA – Seremban (Labu) – Port Dickson) seperti berikut:

Projek	Perincian
HSR	50.9km
Stesen	Labu (Integrated Transport Terminal, ITT)
	Port Dickson (At-grade)

HIP 14: Integrated Transport Terminal (ITT)



PEMBANGUNAN PERHUBUNGAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

Terdapat keperluan untuk mewujudkan sebuah hab pengangkutan yang memudahkan penumpang menggunakan pelbagai mod pengangkutan tanpa perlu bergerak jauh serta mampu mengurangkan masa perjalanan.


Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Keperluan untuk menyokong perkhidmatan *High Speed Rail (HSR)*, di mana salah satu stesenya akan berada di Negeri Sembilan, menjadi antara faktor utama cadangan pembinaan ITT di Labu.
- 2 Cadangan ini berfungsi sebagai hab pengangkutan bersepadu yang menghubungkan pelbagai mod pengangkutan seperti bas ekspres, perkhidmatan rel, teksi dan bas perantara. Pendekatan ini membolehkan pertukaran mod pengangkutan dilakukan dengan lebih lancar tanpa keperluan penumpang keluar dari bangunan, sekali gus meningkatkan kecekapan mobiliti rakyat serta keselesaan perjalanan.

Fasa Pelaksanaan

2025/2026 2026 – 2030 2031 – 2035 2036 – 2040 SELEPAS 2040

Lokasi Cadangan



Komponen Projek

- 1 Blok utama untuk ketibaan dan pelepasan bas jarak, dilengkapi dengan platform, ruang menunggu dan kaunter tiket yang moden
- 2 Kemudahan untuk bas henti-henti, teksi dan perkhidmatan *e-hailing* untuk memudahkan pergerakan penumpang ke kawasan perumahan dan perindustrian sekitarnya
- 3 Menyediakan kemudahan tempat letak kereta yang luas untuk kegunaan harian dan pelawat
- 4 Menyediakan kawasan khas untuk menurunkan dan mengambil penumpang dengan pantas
- 5 Menyediakan ruang perniagaan, kedai runcit, medan selera dan kafe di dalam terminal
- 6 Menyediakan laluan pejalan kaki berbumbung dan laluan basikal

HIP 15: Cadangan Takungan Air Pinggiran Sungai dan Loji Rawatan Air



PEMBANGUNAN PERHUBUNGAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

Isu Strategik

Perancangan pembangunan menjelang tahun 2040 dijangka akan meningkatkan tekanan terhadap keperluan sumber air mentah dan bekalan air bersih, sekali gus menuntut pengurusan sumber air yang lebih cekap, mampan dan bersepadu bagi memastikan kesinambungan bekalan air di Negeri Sembilan.

Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Meningkatkan kapasiti bekalan air bersih melalui penambahan kapasiti sebanyak 150 JLH di Loji Rawatan Air (LRA) Kampung Barisan Fasa 1 dan 100 JLH di Loji Rawatan Air (LRA) Kampung Barisan Fasa 2.
- 2 Meningkatkan kapasiti bekalan air mentah untuk LRA melalui pembangunan TAPS Sungai Linggi Fasa 1 (150 JLH, 2030) dan Fasa 2 (100 JLH, 2035), diikuti pembinaan TAPS baharu di Kuala Sawah (224 JLH) serta Sungai Pedas/Beringin (179 JLH) menjelang 2040.
- 3 Sebanyak 4,092.15 km paip *asbestos simen* perlu diganti bagi mengoptimumkan sistem retikulasi dan pengagihan air bersih serta mengurangkan NRW, yang 32.35% daripadanya berpunca daripada kerosakan fizikal sistem.

Lokasi Cadangan



Petunjuk

- Cadangan Pengantian Paip AC
- Paip Sedia Ada (MS, HDPE, UPVC)

Fasa Pelaksanaan

2025/2026

2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040

SELEPAS
2040

Komponen Projek

Perincian bagi fungsi dan komponen meningkatkan keupayaan bekalan air adalah seperti berikut:

- 1 Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Linggi
- 2 Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Pedas/Beringin
- 3 Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Sawah Raja
- 4 Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Kuala Jelai
- 5 Cadangan pemerolehan sumber bekalan air bawah tanah bagi kawasan Sungai Linggi
- 6 Cadangan Loji Rawatan Air (LRA) Kg Barisan Fasa 1
- 7 Cadangan Loji Rawatan Air (LRA) Kg Barisan Fasa 2
- 8 Cadangan Penambahbaikan Sistem Retikulasi Bekalan Air Bersih

HIP 16: Cadangan Bekalan Elektrik Negeri Sembilan dan Pelaksanaan Projek RISE (Renewable and Interconnected Sustainable Energy)



PEMBANGUNAN PERHUBUNGAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI


Isu Strategik

Menjelang 2040, peningkatan permintaan elektrik daripada sektor perindustrian, komersial dan pembangunan baharu memerlukan perancangan kapasiti, pengukuhan infrastruktur serta pengurusan bekalan yang cekap, berdaya tahan dan mampan di Negeri Sembilan.

Justifikasi Cadangan Projek

1. Pembangunan berskala besar seperti Malaysia Vision Valley (MVV), pusat data, dan kawasan perindustrian memerlukan bekalan elektrik yang stabil, berkapasiti tinggi dan berterusan, terutamanya bagi operasi 24 jam yang kritikal.
2. Pertumbuhan penduduk, pembangunan baharu dan aktiviti ekonomi akan meningkatkan beban puncak (peak demand), sekali gus memerlukan peningkatan kapasiti grid dan pencawang bagi mengelakkan risiko lebih beban dan gangguan bekalan.
3. Projek baharu mengurangkan kebergantungan pada rangkaian sedia ada, mengagihkan beban lebih seimbang dan meningkatkan kebolehpercayaan sistem.

Lokasi Cadangan



Petunjuk

- Talian Rentis Sedia Ada
- Cadangan Talian Rentis
- Cadangan Talian RISE
- PMJ Sedia Ada
- Cadangan PMU/SSU

Fasa Pelaksanaan

2025/2026

2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040

SELEPAS 2040

Komponen Projek

Cadangan 56 unit Pencawang Masuk Utama Stesen Suis Utama (SSU Aws Nilai, SSU Gerbil Data Center, SSU Nexus)

Cadangan 36 laluan talian penghantaran dengan rangkaian 132kV, 275kV dan 500kV (Termasuk talian RISE 500kV PMU Yong Peng East – PMU Bahau South, Reconfigure)

HIP 17: Pusat pentadbiran Baharu Negeri Sembilan



KEPERLUAN PENGURUSAN DAN SOSIAL


Isu Strategik

- 1 Kebanyakan jabatan dan agensi kerajaan tertumpu di kawasan bandar Seremban yang sedia padat, menyebabkan akses penduduk dari kawasan Daerah Seremban kurang efisien.
- 2 Pusat pentadbiran lama di Bandar Seremban menghadapi kekurangan ruang, kesesakan lalu lintas dan fasiliti tidak lagi mampu memenuhi keperluan operasi jabatan secara berkesan.

Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Pewujudan pusat pentadbiran yang lebih teratur, moden dan bersepadu membolehkan pelbagai agensi kerajaan persekutuan dan negeri beroperasi dalam satu kawasan, memudahkan rakyat mendapatkan perkhidmatan tanpa perlu bergerak ke banyak lokasi.
- 2 Pembinaan kompleks pentadbiran (Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri) berasaskan konsep 'smart government', dengan integrasi teknologi digital, sistem keselamatan pintar serta ruang kerja yang lebih efisien dan fleksibel.

Lokasi Cadangan



Petunjuk

- Kawasan Cadangan
- Tepu Bina

Fasa Pelaksanaan

2025/2026

2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040

SELEPAS
2040

Komponen Projek

Komponen Pentadbiran & Kerajaan

- Kompleks Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)
- Bangunan jabatan dan agensi kerajaan negeri

Komponen Kemudahan Awam

- Masjid negeri / masjid utama
- Dewan konvensyen dan pusat komuniti

Komponen Pentadbiran & Kerajaan

- Penjanaaan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi
- Impak limpahan ekonomi kepada kawasan sekitar Labu–Seremban–Nilai

HIP 18: Naik Taraf Hospital dan Hospital Baru Negeri Sembilan



KEPERLUAN PENGURUSAN DAN SOSIAL

Isu Strategik


- 1 Pada 2024, kadar penggunaan meningkat kepada 80.22%, menghampiri had kapasiti dan menunjukkan kemudahan katil hospital sedia ada hampir mencapai tahap maksimum.
- 2 Penawaran katil hospital semasa menunjukkan kekurangan sebanyak 854 katil berbanding keperluan minimum yang ditetapkan iaitu sebanyak 2,532 katil.

Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Pewujudan pusat pentadbiran yang lebih teratur, moden dan bersepadu membolehkan pelbagai agensi kerajaan persekutuan dan negeri beroperasi dalam satu kawasan, memudahkan rakyat mendapatkan perkhidmatan tanpa perlu bergerak ke banyak lokasi.
- 2 Pembinaan kompleks pentadbiran (Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri) berasaskan konsep 'smart government', dengan integrasi teknologi digital, sistem keselamatan pintar serta ruang kerja yang lebih efisien dan fleksibel.

Cadangan untuk menaiktaraf Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) dengan menambah kepakaran (seperti pusat jantung) dan memindahkan bahagian pentadbiran ke tapak baharu (belakang Klinik Kesihatan lama).

Lokasi Cadangan



Fasa Pelaksanaan

2025/2026

2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040

SELEPAS
2040

Hospital	Kategori Hospital 2025	Bilangan Katil 2025	Kategori Hospital 2040	Bilangan Katil 2040
Hospital Tuanku Ja'afar	Hospital Negeri	880	Hospital Negeri	+ 800
Cadangan Hospital Kedua Seremban	Tiada	0	Hospital Pakar Major	600
Hospital Port Dickson	Hospital Pakar Minor	116	Hospital Pakar Major	+200
Hospital Jempol	Hospital Tanpa Pakar	108	Hospital Tanpa Pakar	+172
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Hospital Pakar Major	314	Hospital Negeri	+250
Hospital Rembau	Hospital Tanpa Pakar	76	Hospital Pakar Minor	+174
Hospital Tampin	Hospital Tanpa Pakar	108	Hospital Pakar Minor	+142
Hospital Gemas (Baru)	Tiada	0	Hospital Pakar Minor	200
Hospital Jelebu	Hospital Tanpa Pakar	76	Hospital Tanpa Pakar	+200
Jumlah		1,678	-	+2,738

HIP 19: Bandar Ilmu Pengetahuan Tahfiz di Bandar Gemencheh




KEPERLUAN PENGURUSAN DAN SOSIAL

- 1 Kekurangan institusi pendidikan tinggi, pusat tahfiz moden dan kemudahan sokongan yang mampu membentuk ekosistem pembelajaran bersepadu di Tampin.
- 2 Banyak institusi tahfiz dan madrasah tidak berdaftar, menyebabkan pemantauan kualiti, keselamatan pelajar dan perancangan pembangunan kurang berkesan.

Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Memperkukuh ekosistem pendidikan di Tampin melalui pembangunan institusi ilmu pengetahuan dan tahfiz yang lebih terancang, tersusun dan berkualiti.
- 2 Menyediakan kemudahan pembelajaran moden dan kondusif bagi meningkatkan akses kepada pendidikan akademik, teknikal dan tahfiz.
- 3 Menyelaras peranan institusi tahfiz, sekolah dan agensi pendidikan bagi memastikan pematuhan standard keselamatan, kurikulum dan pengurusan.
- 4 Meningkatkan pembangunan modal insan yang berkemahiran, berpengetahuan dan berakhlak bagi memenuhi keperluan masa depan negeri.

Lokasi Cadangan



Fasa Pelaksanaan

2025/2026

2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040

SELEPAS
2040

Komponen Projek

Kampus Bersepadu

Pembangunan pusat tahfiz sebagai satu kompleks lengkap yang merangkumi bangunan pengajian, asrama pelajar, masjid/surau utama, dewan serbaguna

Kemudahan Asrama & Kebajikan Pelajar

Asrama yang selesa, ruang makan, klinik, kaunseling, kemudahan rekreasi dan sukan

Reka Bentuk Lestari dan Ikonik

Konsep seni bina Islam kontemporari, mesra alam, penggunaan tenaga hijau dan landskap yang kondusif, supaya pusat tahfiz ini menjadi mercu tanda (ikon) pendidikan Islam di peringkat negeri dan kebangsaan.

HIP 20: Greater Jelevu




KEPERLUAN PENGURUSAN DAN SOSIAL

Pengurusan biodiversiti di Daerah Jelevu masih bersifat sektoral walaupun melibatkan Hutan Simpan Kenaboi dalam rangkaian *Central Forest Spine*, menyebabkan pemuliharaan dan pengurusan jangka panjang kurang berkesan.

Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Menubuhkan Kenaboi *World Biodiversity Centre* sebagai pintu masuk ke Taman Negeri Kenaboi dan menyokong pemeliharaan biodiversiti.
- 2 Memperkasa ekopelancongan terkawal selaras potensi pelancongan alam semula jadi Daerah Jelevu.
- 3 Menjana ekonomi komuniti melalui pekerjaan, perusahaan dan pendidikan alam sekitar.
- 4 Memacu pembangunan berpusat dan terkawal di kawasan sensitif alam sekitar.
- 5 Memanfaatkan Pusat Konservasi Tapir Kebangsaan sebagai tarikan utama.
- 6 Mengintegrasikan pengurusan biodiversiti Taman Negeri Kenaboi, Hutan Simpan dan *Central Forest Spine* secara mampan.

Lokasi Cadangan



Fasa Pelaksanaan

2025/2026

2026 – 2030

2031 – 2035

2036 – 2040

SELEPAS
2040

Komponen Projek

Pusat Interpretasi Biodiversiti Kenaboi (pameran flora, fauna, geologi dan ekosistem hutan hujan)

Fasiliti Penyelidikan & Pemuliharaan (makmal lapangan, pusat data biodiversiti, sokongan kajian universiti/agensi)

Zon Pendidikan & Kesedaran Awam (program sekolah, komuniti, sukarelawan konservasi)

Kemudahan Ekopelancongan Terkawal (laluan interpretatif, dek pemerhatian, visitor centre)

Pusat Komuniti & Keusahawanan Hijau (produk ekopelancongan, pemandu tempatan, kraftangan).

Sistem Pengurusan Pelawat & Pemantauan Alam Sekitar teknologi yang menyokong pendekatan pengurusan biodiversiti secara bersepadu

HIP 21: Negeri Sembilan Carbon Project




KEPERLUAN PENGURUSAN DAN SOSIAL

Cadangan Negeri Sembilan Carbon Project bagi merancang untuk menjual karbon kredit yang dijana daripada perlindungan dan pemuliharaan hutan simpan. Projek karbon hutan untuk melindungi dan memulihkan 23.7% liputan hutan (154,866 Hek).

Justifikasi Cadangan Projek

- 1 Menghasilkan pengurangan pelepasan GHG yang terkawal, melalui penyahutan dan degradasi hutan yang boleh dielakkan.
- 2 Menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk melaksanakan amalan sains, penyelidikan dan pengurusan yang terkini.
- 3 Menstabilkan dan mengekalkan populasi spesies fauna dan flora dalam zon projek.
- 4 Menyokong pembangunan ekonomi hijau dan industri di Negeri Sembilan.
- 5 Menyelaras pengurangan GHG, pembangunan kredit karbon dan pengurusan data pelepasan bagi menyokong pembangunan rendah karbon di peringkat negeri.

Lokasi Cadangan



Fasa Pelaksanaan

2025/2026 2026 – 2030 2031 – 2035 2036 – 2040 SELEPAS 2040

Komponen Projek

Perincian bagi fungsi dan komponen Negeri Sembilan Carbon Project adalah seperti berikut:

23.7% liputan Hutan Negeri Sembilan (154,866 Hek) mampu menghasilkan kredit karbon dianggarkan antara 9.41 Juta tan CO₂e setahun

Piawai Projek *Verified Carbon Standard* (VCS) Negeri Sembilan mengukur dan mendaftar hasil kredit karbon

Penyediaan Kajian *Carbon Market Hub* Negeri Sembilan untuk pemaju projek membeli kredit karbon di Bursa *Carbon Exchange*

Skim peraturan "*Carbon Offset Requirement*" untuk mengimbangi membeli atau menjana kredit karbon (*carbon credits*) daripada projek yang mengurangkan atau menyerap gas rumah hijau (GHG) sebahagian pelepasan karbon pemaju

HIP 22: Pelan Tindakan Khas (PTK) Bandar Diraja Seri Menanti 2035



KEPERLUAN PENGURUSAN DAN SOSIAL

Isu Strategik

Pemeriksaan warisan budaya dan seni bina diraja berpotensi menjadikan Seri Menanti destinasi pelancongan warisan unggul melalui pembangunan produk berkualiti dan penglibatan ekonomi komuniti setempat.


Justifikasi Cadangan Projek

1. Mengangkat dan memartabatkan aset warisan serta budaya tempatan agar ia berfungsi sepenuhnya sebagai ikon pelancongan utama yang melonjakkan ciri-ciri eksklusif dan keunikan sebuah Bandar Diraja.
2. Mewajarkan reka bentuk landskap yang lebih terancang dan harmoni, berteraskan elemen Diraja dan kemelayuan tradisional yang mampu memperkaya pengalaman serta penghayatan pengunjung.

Fasa Pelaksanaan

2025/2026 2026 – 2030 2031 – 2035 2036 – 2040 **SELEPAS 2040**

Lokasi Cadangan



Sumber: Draf Pelan Tindakan Khas Bandar Diraja Seri Menanti 2035



Komponen Projek

Perincian bagi fungsi dan komponen pembangunan Bandar Diraja Seri Menanti ini menumpukan kepada empat (4) kawasan berikut:

Kawasan Kawalan Khas Istana (*Primary core area* / Wilayah Bandar Diraja Seri Menanti)

Kawasan Kawalan Khas Warisan (Masjid Lama Tg Beringin)

Kawasan Kawalan Khas Luar Istana (*Secondary core area* / Wilayah Adat Lingkungan)

Kawasan Luar Kawalan Khas (*Buffer Area* / Wilayah Luak Tanah Mengandung)



RSNS 2040

DRAF
RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SEMBILAN 2040